

1982

KUALA LUMPUR, 9 FEB. (BERNAMA)-MALAYSIA, NEGARA PENGELUAR TERDESAK BIJAH TIMAH DI DUNIA, HARI INI MENGUMUMKAN KEPUTUSAN UNTUK MENGURANGKAN PENGELUARAN-NYA KIRA-KIRA 15,000 TAN METRIK MULAI TAHUN 1983 SEBAGAI LANGKAH MENJAGA KEPENTINGAN NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MENGUMUMKAN KEPUTUSAN KERAJAAN BERIKUTAN APA YANG DISIFATKANNYA SEBAGAI KEKACAUAN DALAM PASARAN TIMAH BAGIMANAPUN MENJELASKAN KEPUTUSAN ITU BERTUJUAN MENGURANGKAN PERGANTUNGAN NEGARA KEPADA HASIL DARIPADA LOGAM ITU.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI SINI KEPUTUSAN ITU BUKAN BERTUJUAN MENAIKKAN HARGA ATAUPUN MENGURANGKAN BEKALAN DUNIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DI SAMPING PENGURANGAN ITU, MALAYSIA JUGA AKAN BERUSAHA MENCADAKAN PERATURAN PEMASARAN BERSAMA DI KALANGAN NEGARA PENGELUAR UNTUK MENJUAL TIMAH LANGSUNG KEPADA NEGARA-NEGARA PENGGUNA. --BERSAMBUNG 1609/HM

MAHATHIR - TIMAH 2 KUALA LUMPUR

KATANYA BELIAU TELAH MEMBAYANGKAN CADANGAN ITU KEPADA MENTERI LUAR INDONESIA PROF. MOCHTAR KUSUMAATMADJA BARU-BARU INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM AKAN MEMBINCANGKAN PERKARA ITU LEBIH MENDALAM LAGI APABILA BELIAU MELAWAT INDONESIA MINGGU DEPAN. BELIAU AKAN DIIRINGI OLEH MENTERI PERUSAHAAN UTAMA DATUK PAUL LEONG.

RUNDINGAN DENGAN NEGARA-NEGARA PENGELUAR LAIN AKAN DIADAKAN KEMUDIAN.

MENGENAI PENGURANGAN PENGELUARAN TIMAH, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SEDANG MENKAJI CARA-CARA UNTUK MELAKSANAKANNYA.

INI TERMASUK KEMUNGKINAN TIDAK MENGELUARKAN LESEN KEPADA LOMBONG-LOMBONG YANG HAMPIR PUPUS DAN KEMUNGKINAN LOMBONG-LOMBONG KECIL YANG TIDAK MENGUNTUNGAN LAGI (DISEBABKAN KOS TINGGI) UNTUK BERGABUNG DENGAN LOMBONG-LOMBONG LAIN SUPAYA MENJADI LEBIH CEKAP DAN MENGUNTUNGAN. --BERSAMBUNG 1623/AH

MAHATHIR-TIMAH 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN PENGURANGAN ITU AKAN BERMULA APABILA MALAYSIA MULA MENIKMATI HASIL DARIPADA PENGELUARAN GAS IAITU PADA TAHUN 1983.

KATANYA: +PENGURANGAN ITU MUNGKIN KELIHATAN KECIL KEPADA DUNIA TETAPI KEPADA KITA IA MERUPAKAN KIRA-KIRA 25 PERATUS DARIPADA PENGELUARAN NEGARA. +

BELIAU MENEGASKAN MALAYSIA TERPAKSA MEMBUAT KEPUTUSAN ITU BAGI MEMPASTIKAN NEGARA +TIDAK SELALU DIJADIKAN TEBUSAN KERANA KITA BERGANTUNG KEPADA HASIL DARIPADA BARANGAN INI. +

+KAMI BERBUAT DEMIKIAN BAGI MELINDUNGI KEPENTINGAN NEGARA DARIPADA KETIDAKPASTIAN PASARAN TIMAH DAN BUKAN UNTUK MENARIK BALIK BEKALAN DUNIA, + TAMBAHNYA.

+OLEH DEMIKIAN KAMI JUGA SEDANG MEMIKIRKAN PERATURAN PEMASARAN BARU UNTUK MENJUAL TIMAH LANGSUNG KEPADA PENGGUNA SEPERTI MINYAK YANG TIDAK DINIAGAKAN DI MANA-MANA PASARAN, + TEGASNYA.

SEDANG MALAYSIA MEMAHAMI PERLU NYA UNTUK MENGADAKAN KAWASAN PERNIAGAAN UNTUK BARANGAN-BARANGAN KATANYA IA TIDAK DAPAT LAGI MENERIMA MANIPULASI PASARAN OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU UNTUK KEPENTINGAN MEREKA SENDIRI. -- BERSAMBUNG 1645/IB

MAHATHIR-TIMAH 4 KUALA LUMPUR

MENJAWAB SATU SOALAN, PERDANA MENTERI BERKATA PENGURANGAN PENGELUARAN ITU SOAL HAL MALAYSIA SENDIRI DAN IA TIDAK AKAN MEMBINCANGKANNYA DENGAN NEGARA-NEGARA PENGELUAR LAIN.

TETAPI, BELIAU MENJELASKAN MALAYSIA TIDAK AKAN MEMBANTAH JIKA NEGARA-NEGARA PENGELUAR LAIN MENINGKATKAN PENGELUARAN MASING-MASING.

DITANYA SAMA ADA PENGURANGAN ITU MENENTANG PRINSIP KERJASAMA PENGELUAR--PENGGUNA, DATUK SER DR. MAHATHIR MEMBERITAHU KEPUTUSAN ITU DIBUAT DENGAN HATI YANG BERAT.

KATANYA MALAYSIA PADA MASA LALU SENTIASA BERSIKAP SEDERHANA DALAM MAJLIS TIMAH ANTARABANGSA DAN FORUM-FORUM LAIN TETAPI +USAHA KAMI TIDAK MEMBAWA APA-APA KESAN DAN SEBALIKNYA KAMI TERPAKSA MENANGGUNG LEBIH BEBAN DARIPADA NEGARA-NEGARA LAIN'.

NAMUM BEGITU, BELIAU MENEGASKAN MALAYSIA MAHU PERJANJIAN TIMAH ANTARABANGSA KEENAM DITERUSKAN UNTUK MELIHAT SAMA ADA IA DAPAT MENCAPAI SESUATU.

+TETAPI SEKALI PUN IA DITERUSKAN, HAKIKATNYA IALAH KAMI MUNGKIN TERPAKDA MENGURANGKAN PENGELUARAN DAN MENGADAKAN SATU BENTUK PERATURAN PEMASARAN DI LUAR PERATURAN PERJANJIAN TIMAH,+ TAMBAHNYA.

-- BERSAMBUNG 1715/AZ

B580:

MAHATHIR-TIMAH 5 KUALA LUMPUR

MENGENAI PENGELUARAN TIMAH OLEH AMERIKA SYARIKAT DARIPADA STOK SIMPANANNYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APA.

+KAMI TELAH MEMBUAT RAYUAN DAN CUBA MENGENAKAN TEKANAN TETAPI TIDAK BERJAYA. OLEH YANG DEMIKIAN, KAMI TERPAKSALAH MENJAGA DIRI DAN TIDAK BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN.+

-- BERNAMA 1717/AZ